

# Malaysia bantu negara Islam dalam pendidikan

KUALA LUMPUR 18 Okt. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia kini berada dalam keadaan bersedia untuk membantu negara-negara Islam lain terutamanya dalam bidang pendidikan.

Beliau berkata, penubuhan universiti seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menjadi bukti usaha kerajaan membantu anak-anak muda Malaysia dan negara Islam lain menimba ilmu pengajian.

Kata Najib, kerajaan percaya pendidikan yang berkualiti sahaja mampu mengubah masyarakat untuk menjadi lebih baik dan boleh menggunakan segala peluang yang ditawarkan kerajaan.

"Kita bangga kerana sebagai negara Islam, kita mampu menawarkan pendidikan untuk negara-negara Islam yang lain," katanya.

Berucap pada majlis penyerahan Biasiswa Yayasan Albukhary kepada

pelajar-pelajar antarabangsa UIAM di sini malam ini, beliau berkata, tiada kesan yang lebih mendalam melainkan memberi peluang pelajaran kepada anak-anak dari negara Islam.

Sehubungan itu, Najib memuji usaha Yayasan Albukhary yang memberi peluang pelajaran kepada anak-anak negara Islam yang kebanyakannya tergolong daripada keluarga miskin.

Seramai 252 pelajar yang menerima biasiswa Yayasan Albukhary akan ditaja sepenuhnya pelajaran mereka dengan anggaran perbelanjaan seorang pelajar kira-kira RM10,000 bagi satu semester.

Kebanyakan mereka datang dari negara-negara Balkan seperti Albania, Bosnia-Herzegovina, Croatia, Kosovo dan negara-negara yang hancur akibat peperangan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Eksekutif Yayasan Albukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary.